



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 (63) 06/07

**TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN SANTUNI VETERAN ANGKATAN
TENTERA MALAYSIA DALAM PROGRAM PEDULI VETERAN
DI SEKITAR NEGERI SEMBILAN**

NEGERI SEMBILAN, 14 Julai 2023 - YB Adly bin Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan hari ini telah melaksanakan Program Peduli Veteran (PPV) di sekitar Negeri Sembilan yang turut diiringi oleh Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Encik Sophian Isswandy bin Ismail dan Pengarah JHEV ATM Cawangan negeri Melaka dan Negeri Sembilan, Mej Mohd Zaidi bin Tajuddin.

Dalam program PPV kali ini, YB Adly telah meluangkan masa menyantuni veteran-veteran ATM di sekitar Seremban, Rantau, Johol, Paroi, Kuala Pilah dan Gemas. PPV yang dilaksanakan ini merangkumi lawatan kebajikan ke atas veteran ATM serta waris tanggungan yang mengalami sakit kritikal serta memerlukan rawatan. Lawatan kebajikan YB Timbalan Menteri Pertahanan kali ini dimulai dengan mengunjungi Encik Au Moi @ Au Peng Kan berusia 84 tahun dari Kuala Sawah, Rantau yang merupakan veteran Rejimen Askar Wataniah tidak berpencen berpangkat Prebet. Veteran mempunyai tiga (3) orang anak hasil perkongsian hidup bersama isterinya, Puan Chong Ah Moi @ Chong Foong Mooi. Beliau juga merupakan penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) berjumlah RM 300.00 sebulan dan juga peralatan pesakit.

Seterusnya, lawatan diteruskan ke rumah veteran ATM kedua iaitu Encik Mustaffa bin Sinak berusia 93 tahun dari Kampung Bemban Senaling, Kuala Pilah. Veteran yang telah kematian isteri menghidap masalah pendengaran dan mempunyai seorang anak Orang Kelainan Upaya (OKU). Beliau merupakan veteran berpangkat Koperal yang pernah berkhidmat di dalam Rejimen Semboyan Diraja serta berpencen.

Lawatan YB Timbalan Menteri Pertahanan seterusnya adalah mengunjungi veteran yang koma dan strok akibat kemalangan jalan raya iaitu Encik Shahrul Aziz bin Sahrin yang berusia 41 tahun dari Felda Jelai, Gemas. Veteran sebelum ini berkhidmat di dalam perkhidmatan Tentera Udara Diraja Malaysia selama 18 tahun kini terlantar dengan tiada pendapatan serta tidak berpencen. Veteran mempunyai 3 orang anak yang kesemuanya masih lagi bersekolah. Veteran merupakan penerima bantuan susu dan pampers serta bakal penerima BSH dan bantuan persekolahan yang masih lagi di dalam proses.

Seterusnya, YB Timbalan Menteri Pertahanan mengunjungi veteran strok dan lumpuh di Kampung Ulu Ladang Gemas iaitu Encik Mohamed Hata bin Dahaman yang berusia 71 tahun. Veteran sebelum ini berkhidmat di dalam Rejimen Askar Melayu Diraja selama 21 tahun dan berpencen. Isteri veteran juga turut mengalami strok dan dijaga oleh anak saudaranya. Veteran merupakan penerima BSH berjumlah RM300.00 sebulan.

Lawatan kebajikan kali ini diakhiri dengan mengunjungi Encik Ramli bin Dahlan berusia 83 tahun dari Bangkahulu, Gemas. Veteran mempunyai masalah hilang daya ingatan dan isteri veteran juga tidak boleh berjalan kerana menghidap sakit pinggang dan lutut. Beliau merupakan veteran berpangkat Prebet yang pernah berkhidmat dengan Rejimen Askar Wataniah selama 23 tahun serta tidak berpencen. Veteran merupakan penerima bantuan daripada Baitulmal dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Bantuan Institut Pengajian Tinggi serta BSH sejak dari tahun 2011.

Selain itu, YB Adly turut mengambil peluang mengunjungi usahawan veteran ATM yang berjaya di dalam bidang keusahawanan. Antaranya ialah Encik Noraazmi bin Minhat berusia 71 tahun yang mengusahakan penternakan lebah madu kelulut di Johol, Encik Marzuki bin Mohd Diah berusia 63 tahun yang mengusahakan tanaman jagung di Seremban dan Leftenan Kolonel Azman bin Abdul Razak (Bersara) berusia 54 tahun yang mengusahakan perniagaan nurseri di Paroi. Selain bertanya khabar, turut diselitkan penyampaian sumbangan sagu hati dan bakul makanan kepada veteran yang diziarahi serta penyampaian *plaque* penghargaan kepada usahawan yang dilawati.

PPV adalah merupakan antara inisiatif madani Kementerian Pertahanan dalam merealisasikan pelaksanaan dan halatuju Kertas Putih Pertahanan (KPP). PPV akan memastikan kebajikan dan kesejahteraan Veteran ATM terus terbela dan sentiasa terpelihara sejajar dengan jasa bakti dan pengorbanan Veteran ATM terhadap keamanan dan keselamatan negara. Melalui program ini, lebih ramai Veteran ATM yang terkesan dapat disantuni bagi mendengar sebarang luahan mereka secara bersemuka. Kementerian Pertahanan beriltizam untuk terus komited dalam mempertingkatkan lagi siri lawatan kebajikan yang akan datang agar tiada Veteran ATM yang tercicir daripada menerima insentif yang disediakan.

YB Timbalan Menteri Pertahanan juga tidak melepaskan peluang berinteraksi dengan sembilan belas (19) Persatuan Veteran ATM Negeri Sembilan semasa majlis pelancaran Program Pemerkasaan Usahawan Veteran ATM (PUVET ATM) yang telah diadakan pada 13 Julai 2023 di Port Dickson semalam. Pada program tersebut, YB Timbalan Menteri Pertahanan telah turut menyerahkan sumbangan 500 kotak Rahmah kepada Persatuan Veteran ATM Negeri Sembilan untuk diagihkan kepada veteran ATM.

Sebarang pertanyaan berkaitan lawatan boleh hubungi Pegawai Staf 2 Media (Udara), Unit Komunikasi Strategik, Kementerian Pertahanan Malaysia, Mejar Ezrie Hanif bin Yussof TUDM di talian 017-254 0477 atau Timbalan Ketua Unit Komunikasi Korporat JHEV, Encik Muhammad Izzat Siraj bin Mohd Ilyas Zainal Ravi di talian 017-965 3755.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia

14 Julai 2023